MAHATHIR-BARISAN

1984

LABUAN, 16 APRIL (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MENGINGATKAN PARTI-PARTI BARISAN NASIONAL MEMPERKUKUH LAGI PERPADUAN SUPAYA NEGARA INI AKAN MENCAPAI KEMAJUAN PEMBANGUNAN YANG LEBIH PESAT.

PERDANA MENTERI DAN PENGERUSI BARISAN NASIONAL GEMBIRA PERPADUAN DLAM BARISAN NASIONAL KINI KUKUH WALAUPUN MASING-MASING ANGGOTA KOMPONEN MEMPUNYAI IDEOLOGI YANG BERBAGAI-BAGAI.

+INI TIDAK BERMAKNA KITA TIDAK PERNAH MENGALAMI SEBARANG KRISIS TETAPI APA JUA KRISIS YANG PERNAH MELANDA PARTI ITU BAIK SEMASA ZAMAN PERIKATAN MAHUPUN DALAM ZAMAN BARISAN NASIONAL SEKARANG TELAH DAPAT KITA ATASI DENGAN SEMANGAT KEMALAYSIAAN YANG TULIN,+ KATANYA DALAM JAMUAN BARISAN NASIONAL DI SINI MALAM TADI.

KATANYA, KESEDIAAN PARTI-PARTI ANGGOTA MENYELESAIKAN APA JUA KRISIS DENGAN SEMANGAT PERPADUAN MELAMBANGKAN KEBAIKAN BRISAN NASIONAL DENGAN CORAK PEMERINTAHAN YANG TIDAK TERDAPAT DI MANA-MANA NEGARA BAIK SANG MAJU MAHUPUN YANG SEDANG MEMBANGUN DI DUNIA. -- LAGI 1552/SL

ZCZC 8572
MAHATHIR-BARISAN 2 LABUAN

SEBAGAI CONTOH KATANYA KRISIS BERDARAH 1969 TELAH MENCETUSKAN KRISIS YANG BESAR SEHINGGA ADA PEMIMPIN PERIKATAN SENDIRI YANG MERAGUI TENTANG MASA DEPAN NEGARA, KHASNYA GABUNGAN TIGA PARTI DALAM PERIKATAN WAKTU ITU.

BAGAIMANAPUN, KATA DATUK SERI DR MAHATHIR DALAM PILIHANRAYA YANG DIADAKAN SELEPAS KRISIS ITU TAMAT PERIKATAN MENDAPAT SOKONGAN BESAR DARIPADA RAKYAT.

KATANYA, HUBUNGAN BAIK ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL PADA MASA INI WUJUD KERANA SEMUA PEMIMPINNYA BERTANGGUNGJAWAB UNTUK MENJAGA KEUTUHAN PERHUBUNGAN.

DENGAN SEMANGAT PERSEFAHAMAN ITU KITA TELAH DAPAT MENGHANCURKAN APA JUA RAMALAN DARI DALAM MAHUPUN LUAR NEGERI BAHAWA KITA AKAN HANCUR SELEPAS BERLAKUNYA SESUATU KRISIS YANG DIHADAPI,+ KATANYA.

MENGENAI MATLAMAT 70 JUTA PENDUDUK MALAYSIA ORANG DALAM KURUN AKAN DATANG PERDAN MENTERI BERHARAP RAKYAT MALAYSIA AKAN BEKERJA KUAT UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT. -- LAGI 1556/SL

ZCZC 8573
MAHATHIR-BARISAN 3 LABUAN

BAGAIMANAPUN, KATANYA, TERPULANGLAH KEPADA RAKYAT SENDIRI UNTUK MEMIKIRKAN CARA MANA UNTUK MENCAPAI MATLAMAT TERSEBUT.

+SAYA BERHARAP PENDUDUK SENDIRI AKAN DAPAT MEMIKIRKAN SATU CARA YANG PRAKTIKAL MENAMBAH BILANGAN PENDUDUK,+ KATANYA. -- BERNAMA